

EkuiNAS lancar dana keempat bernilai RM1 bilion

KUALA LUMPUR - Ekuiti Nasional Bhd. (EkuiNAS) melancarkan EkuiNAS Direct (Tranche IV) Fund bernilai RM1 bilion dan ia berkemungkinan ditingkatkan kepada RM1.5 bilion.

Dana tersebut memberi penekanan terhadap sektor teras seperti pendidikan, minyak dan gas, barangan pengguna laris, peruncitan, penjagaan kesiha-

tan dan perkhidmatan serta sektor lain dengan prospek yang positif.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Syed Yasir Arafat Syed Abd. Kadir berkata, pelancaran dana tersebut adalah sejajar dengan strategi dan rancangan perniagaan EkuiNAS untuk fasa seterusnya.

Menurutnya, dana baharu itu ditu-

buhkan daripada hasil jualan, dividen dan faedah daripada dana sulungnya, EkuiNAS Direct (Tranche I) Fund yang mana syarikat mencatat hasil sebanyak RM2.3 bilion.

"Melaluinya, jumlah dana di bawah pengurusan EkuiNAS adalah sebanyak RM4.1 bilion," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.